



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PUISI MELAYU TRADISIONAL SEBAGAI ALAT KOMUNIKASI DALAM ADAT
PERKAHWINAN DI NEGERI SEMBILAN

ZALINA BINTI GHAZALI



05

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAN MELAYU)



ptbupsi

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2009



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

20.11.2009


ZALINA BT GHAZALI
M20072000582



PUISI MELAYU TRADISIONAL SEBAGAI ALAT KOMUNIKASI DALAM ADAT
PERKAHWINAN DI NEGERI SEMBILAN

OLEH:

ZALINA BT GHAZALI

DISERTASI INI TELAH DITERIMA OLEH JABATAN KESUSASTERAAN
MELAYU BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU
PADA SESI 2008/2009



(Dato' Paduka Dr. Mohd. Rosli Saludin)
Penyelia

Tarikh

(Dato' Paduka Dr. Mohd. Rosli Saludin)
Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu

Tarikh





PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan keredhaan Allah jua saya dapat menyiapkan disertasi ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin atas segala sokongan, teguran dan nasihat sepanjang disertasi ini ditulis. Sesungguhnya segala bimbingan yang telah dicurahkan itu amat disanjung dan akan terpahat kukuh dalam ingatan.

Seterusnya tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pensyarah dan kakitangan sama ada di Fakulti Bahasa atau di Fakulti Pusat Pengajian Siswazah terutama Prof. Dr. Muhammad Bukhari Lubis, Dr. Ani Haji Omar, Dr. Hajah Siti Khariah Bt Mohd Zubir, Encik Abdul Halim Ali dan Idris Mohd Radzi yang telah menyumbangkan ilmu sepanjang mengikuti pengajian dan dalam tempoh menyiapkan disertasi ini. Segala curahan ilmu pengetahuan dan kerjasama yang telah diberikan akan dimanfaatkan sebaiknya serta dikenang sepanjang hayat.

Buat keluarga yang dikasihi, tiada kata yang dapat diucapkan melainkan ribuan terima kasih atas segala sokongan dan pengorbanan yang diberikan selama ini. Kefahaman kalian terhadap impian yang ingin dicapai merupakan azimat yang menguatkan lagi semangat untuk menggapai kejayaan.

Akhir sekali tidak dilupakan juga sekalung ucapan terima kasih buat pihak pentadbiran sekolah kerana memahami dan memberikan kerjasama sepanjang pengajian bagi memungkinkan disertasi ini disiapkan. Begitu juga dengan teman sepengajian dan teman sekerja terutama Encik Rosli Yusof, Puan Zurita Abdul Aziz, Puan Zubaidah Yasin, Puan Putri Jamilah Megat Yunus, Cik Sukariah dan Cik S. Zunaidah Adi atas segala bantuan selama ini dan turut sama berkongsi idea serta tidak jemu-jemu memberi pandangan sama ada pujian atau kritikan, amat dihargai. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Semoga Allah s.w.t memberikan taufik dan hidayahNya kepada kita sekalian, amin.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Zalina Bt Ghazali,
Kampung Pangkal Meleret,
18500 Machang Kelantan .



ABSTRAK

Adat Perpatih merupakan kebudayaan orang Melayu tempatan di Negeri Sembilan. Adat Perpatih ini diwariskan dari generasi ke generasi melalui kata-kata perbilang. Di dalamnya terkandung pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, estetika, undang-undang, adat resam dan segala kebolehan yang dipelajari oleh individu sebagai ahli masyarakat pengamalnya. Sebagai satu kebudayaan adat perpatih adalah satu sistem yang kompleks. Sistem ini telah diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan tidak kurang daripada 600 tahun dahulu iaitu semenjak berlakunya penghijrahan perantau dari Sumatera yang berkemungkinan besar dikatakan sebagai orang Minangkabau. Dalam tempoh yang begitu panjang, meskipun adat ini telah mengalami pelbagai perubahan, namun adat istiadat yang berteraskan nisab ibu masih dipertahankan dan diamalkan dalam masyarakat di Negeri Sembilan. Kesenambungan kebudayaan adat perpatih ini adalah melalui tradisi lisan. Tradisi lisan yang terkenal di Negeri Sembilan adalah teromba. Sementara adat istiadat perkahwinan yang dijalankan di Negeri Sembilan mempunyai perbezaan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Adat istiadat tersebut amat simbolik dan harmonis kerana setiap tatacara istiadat perkahwinan diringi dengan kata-kata puitis terutama dalam bentuk puisi teromba. Konsep yang menjadi tunjang kepada perjalanan adat istiadat perkahwinan ini adalah muafakat, perselahaman, kerjasama dan gotong-royong. Setiap aktiviti yang dijalankan daripada awal hingga akhir dilaksanakan tanpa pengecualian walaupun seorang ahli. Keadaan ini menggambarkan keutuhan persatuan dan keharmonian masyarakatnya.

ABSTRACT

Adat Perpatih is a local Malay culture in Negeri Sembilan. It is passed down from generation to generation by 'kata-kata perbilangan'. It contains knowledge, belief, art, moral, esthetic, law, custom and all abilities learned by individuals who practiced it. As a culture, Adat Perpatih is a very complex system. This system is practiced by the people in Negeri Sembilan about 600 years ago since the movement of travelers from Sumatera, most probably known as Minangkabau people. Even though the culture has experienced many changes in the long run, it still practices and maintains its core values on mother's side. The continuation of Adat Perpatih is done through oral tradition. The famous oral tradition in Negeri Sembilan is 'teromba'. In addition, wedding tradition in Negeri Sembilan is also different from other states in Malaysia. The custom is very symbolic and harmonious because every wedding practice is followed by poetic language in the form of 'teromba poetry. The core concept of the implementation of the wedding custom is collaboration, understanding, cooperation and 'gotong-royong'. Every activity implemented from the beginning until the end is carried out without exception even if one member. The situation paints a picture of unity and a harmonious society.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Kaedah Kajian	5
1.5	Batasan Kajian	6
1.6	Definisi Istilah	6
1.6.1	Puisi Melayu Tradisional	6
1.6.2	Komunikasi	8
1.6.3	Perkahwinan	10
1.6.4	Adat Istiadat Perkahwinan	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Pendekatan Kajian	13
1.8.1	Pendekatan Sosiologi	13
1.8.2	pendekatan psikologi	17
1.9	Rumusan	19

BAB 2**TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	20
2.2	Kajian-kajian Lepas	20
2.3	Sejarah Adat Perpatih	23
2.4	Sistem Adat Negeri Sembilan	25
2.4.1	Struktur Masyarakat Adat Perpatih	27
2.4.2	Prinsip-prinsip Adat Perpatih	30
2.5	Konsep Perkahwinan	31
2.5.1	Perspektif Agama	32
2.4.2	Perspektif Barat	33
2.6	Perkahwinan Orang Melayu	35
2.7	Adat Perkahwinan Masyarakat Negeri Sembilan	38
2.8	Rumusan	41

BAB 3**MENDEKATI PUISI MELAYU TRADISIONAL TEROMBA**

3.1	Pengenalan	42
3.2	Teromba dalam Adat Perpatih	43
3.3	Memahami Istilah Teromba	44
3.4	Ciri-ciri Teromba	47
3.5	Bentuk Teromba	47
3.6	Tema dan Isi Teromba	48
3.7	Rumusan	50

BAB 4 TEROMBA SEBAGAI ALAT KOMUNIKASI DALAM ADAT PERKAHWINAN DI NEGERI SEMBILAN

4.1	Pengenalan	51
4.2	Merisik	52
4.3	Istiadat Berkampung Menghantar Cincin Tanya	57
4.4	Adat Istiadat Menghantar Cincin Tanya	59
4.5	Istiadat Mengembangkan Cincin	63
4.6	Meminang dan Bertunang	64
4.6.1	Mencari Seadat dan Seresam	64
4.6.2	Hari Berkampung Pertunangan	65
4.6.3	Upacara Peminangan	67
4.7	Berkampung	73
4.8	Berinai	75
4.8.1	Berinai Kecil	75
4.8.2	Berinai Besar	77
4.9	Berandam	80
4.10	Akad Nikah	82
4.11	Bersanding atau Hari Langsung	85
4.12	Adat Mandi Berhias	91
4.13	Adat bertandang	93
4.14	Menikam Jejak	95
4.15	Istiadat Menyalang	97

4.16	Istiadat Unjuk Beri	98
4.17	Rumusan	100

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	101
5.2	Perkahwian Olek Buapak	101
5.3	Perkahwinan Olek Biasa	102
5.4	Perkahwinan Tidak Lazim	103
5.4.1	Nikah Terkurung	104
5.4.2	Nikah Serah Menyerah	105
5.4.3	Adat Merumah	108
5.4.4	Adat Merebut Rampas	109
5.4.5	Adat Mendapatkan	110
5.4.6	Adat Beli Laki	111
5.5	Rumusan	112

BAB 6 RUMUSAN

6.1	Pengenalan	114
6.2	Perbincangan	115
6.3	Cabaran	117
6.4	Cadangan	119
6.5	Kesimpulan	124

RUJUKAN



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejak zaman tradisional lagi, masyarakat Melayu amat mementingkan adat resam dalam kehidupan mereka. Pegangan yang teguh terhadap adat resam menyebabkan mereka telah mencipta panduan dan peraturan-peraturan hidup menerusi tradisi lisan yang mengandungi pelbagai maklumat penting yang tersirat dan tersurat dan berkait rapat dengan pelbagai aspek kehidupan, warisan, serta kegiatan ekonomi masyarakat Melayu. Dalam hal ini mereka telah menggunakan tradisi lisan yang berbentuk puisi tradisional seperti syair, pantun, peribahasa, pepatah, gurindam dan sebagainya sebagai satu cara meluahkan perasaan mereka.

Melalui tradisi lisan inilah juga segala panduan dan peraturan hidup diperturunkan dari satu generasi ke generasi. Keadaan ini menjadikan kedudukan puisi amat akrab dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Maka tidak hairanlah apabila mereka dapat menghasilkan begitu banyak puisi-puisi tradisional yang berkualiti untuk memudahkan kehidupan mereka.



Hal yang sama turut berlaku di Negeri Sembilan yang terkenal dengan pelbagai jenis puisi dan adat yang mendasari kehidupan mereka terutama dalam hubungan komunikasi tradisional. Dalam komunikasi ini puisi yang sering digunakan ialah pepatah, pepatih, kiasan, bidalan, ungkapan, pantun, syair, teromba dan sebagainya. Lebih menarik lagi apabila Negeri Sembilan mempunyai kelainan yang tersendiri iaitu dari segi pengamalan adat Perpatih yang tentunya berbeza dari negeri-negeri lain di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kepelbagaian adat dan budaya yang terdapat di Malaysia telah mewujudkan kepelbagaian nilai dalam masyarakatnya. Sesebuah masyarakat itu dapat dikenal melalui adat dan budayanya. Demikian juga halnya Negeri Sembilan yang terkenal dengan adat Perpatih. Adat perpatih inilah yang menjadikan masyarakat Negeri Sembilan mempunyai keunikannya yang tersendiri

Adat Perpatih yang menjadi amalan masyarakat di Negeri Sembilan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Dikatakan Negeri Sembilan telah dibuka lebih kurang 600 tahun dahulu oleh penghijrah ataupun perantau dari Sumatera yang berkemungkinan besar berasal dari Minangkabau. Kedatangan mereka membawa bersama adat dan kebudayaan yang telah diamalkan. Antara adat tersebut adalah Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi. Adat Minangkabau ini tumbuh hasil daripada kemajuan dan perkembangan tamadun masyarakat Minangkabau itu sendiri (Norhalim Hj Ibrahim, 1993 : 10).

Adat Perpatih dan Adat Temenggung masih terus diamalkan oleh masyarakat di negeri Sembilan hingga ke hari ini. Di Negeri Sembilan daerah-daerah yang jauh dari laut yang dikatakan sebagai "ke darat" seperti Jelevu, Jempol, Kuala Pilah,

Tampin, Kuala Pilah, Tampin, Rembau dan Seremban mengamalkan Adat Perpatih sementara masyarakat yang tinggal di persisiran atau berhampiran laut iaitu daerah Port Dickson pula adalah pengamal Adat Temenggung (Norhalim Hj Ibrahim, 1993: 5-10). Walau bagaimanapun antara kedua-dua jenis adat yang diamalkan paling ketara adalah Adat Perpatih sehingga masyarakat luar menganggap Negeri Sembilan sangat sinonim dengan Adat Perpatih.

Sistem adat tersebut dikenali sebagai sistem nasab ibu yang diamalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan adalah menjadi dasar kepada keseluruhan tindak-tanduk yang merangkumi sistem politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakatnya. Mengikut ahli antropologi dan sosiologi sistem kekeluargaan yang diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan ini diistilahkan sebagai sistem sesisi atau *unilineal*. Sistem ini adalah sistem yang menjuraikan keturunan berdasarkan satu pihak sahaja, iaitu daripada pihak ibu atau perempuan. Sistem ini turut diamalkan oleh masyarakat lain di dunia ini. Antara masyarakat yang mengamalkan sistem ini adalah masyarakat Nayar yang terdapat di India, Afrika, Amerika Utara dan juga di Kepulauan Trobriand. Sementara di Nusantara masyarakat yang mengamalkan sistem ini tentulah masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat (Norhalim Ibrahim.1996:1)

Dalam hampir kesemua majlis yang diadakan di Negeri Sembilan seperti perkahwinan, membina rumah baru ataupun penabalan ketua baru, ucapan istiadat yang disampaikan oleh ketua-ketua adat dan suku adalah dicirikan dengan bahasa berbunga yang mengandungi pepatah, petitihi dan perbilangan yang mengingatkan orang ramai tentang asal-usul mereka.

Istiadat perkahwinan yang dijalankan oleh pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Istiadatnya adalah unik dan tersirat falsafah dan perjalanan adatnya. Apa yang pasti istiadat tersebut amat



simbolik dan harmonis. Dalam melaksanakan adat istiadat perkahwinan itu, masyarakat adat Negeri Sembilan mempraktikkan konsep dan nilai yang menjadi tunjang kepada keseluruhan perjalanan sistem adat perpatih.

Konsep yang dimaksudkan adalah muafakat, kebulatan dan persefahaman serta kerjasama, gotong-royong dan seraya. Setiap aktiviti dilaksanakan bersama dan melibatkan semua orang tanpa pengecualian walaupun seorang ahli. Tegasnya institut perkahwinan di Negeri Sembilan mengilustrasikan keutuhan dan kekuatan persatuan, kesatuan ahlinya serta keharmonian masyarakatnya (Norhalim Ibrahim, 1996:).

Institusi perkahwinan adat perpatih adalah lengkap baik dari segi tatacara mahupun bunga istiadatnya. Tatacaranya tersusun satu demi satu bermula dari peringkat menyelidik bakal menantu (risik) sehingga ke tahap perceraian dan setiap langkah mempunyai proses dan tatacara yang tertentu. Boleh dikatakan hampir setiap peristiwa, peraturan dan tatacara upacara perkahwinan masyarakat dipenuhi dengan kata-kata puitis-pantun, seloka perbilangan dan sebagainya.

Dalam apa sahaja majlis yang berkaitan dengan perkahwinan, perlafazan puisi antara kedua belah pihak (pihak lelaki dan perempuan) panjang lebar bukan setakat dua atau tiga rangkap sahaja. Dengan itu setiap upacara menjadi satu arena berbalas puisi yang menarik kerana setiap patah kata terlafaz penuh dengan kata-kata simbolik dan lelucon. Perlafazan puisi itu dilakukan dalam suasana serius kerana puisi tersebut menyatakan peraturan, tanggungjawab, dan rol individu sebagai suami/isteri tetapi diselang-selikan dengan puisi-puisi lucu dalam bentuk sindiran, jenaka dan usikan. Justeru itu keseluruhan suasana upacara menjadi meriah dan mengembirakan, hasil keharmonian gabungan keadaan serius dan lucu (Norhalim Hj Ibrahim, 1996:x)



1.3 Objektif Kajian

Masyarakat di Negeri Sembilan terkenal dengan identifikasi sebagai golongan yang mengamalkan adat perpatih yang kaya dengan pelbagai adat istiadat. Adat istiadat yang diamalkan mempunyai keunikan yang tersendiri terutama dalam menjalankan upacara adat-istiadat perkahwinan kerana dipenuhi dengan pelbagai kata-kata puitis yang berbentuk puisi. Keadaan ini mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam terhadap penggunaan puisi dalam adat-istiadat perkahwinan di Negeri Sembilan.

Berikut itu digariskan beberapa objektif kajian ini dijalankan:

1.3.1 Mengetahui penggunaan puisi teromba dalam adat istiadat perkahwinan di Negeri Sembilan.

1.3.2 Melalui kajian ini diharap dapat memperlihatkan keistimewaan puisi-puisi Melayu tradisional sebagai alat komunikasi dalam adat istiadat perkahwinan di Negeri Sembilan.

1.3.3 Melalui kajian ini diharap dapat mengetahui penggunaan puisi tersebut masih relevan dengan keadaan semasa.

1.4 Kaedah Kajian

Kajian ini berorientasikan kajian perpustakaan. Memandangkan kajian ini kajian perpustakaan, maka beberapa buah perpustakaan dirujuk untuk mendapatkan maklumat dan data.

Data-data juga diperolehi daripada bahan bacaan seperti jurnal, kertas kerja seminar, tesis, latihan ilmiah, buku-buku, majalah, internet dan sebagainya. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Negeri Sembilan.



1.5 Batasan Kajian

Kajian ini adalah kajian terhadap puisi Melayu tradisional. Fokus kajian adalah tertumpu di Negeri Sembilan. Kajian ini membataskan puisi tradisional teromba yang menjadi amalan dalam upacara perkahwinan di Negeri Sembilan. Penekanan utama kajian ini berkaitan dengan penggunaan puisi Melayu tradisional teromba sebagai alat komunikasi yang utama dalam adat istiadat perkahwinan di negeri Sembilan. Adat istiadat perkahwinan tersebut merangkumi upacara merisik, meminang, berkampung, berendam, berinai, akad nikah, bersanding, bertandang, menikam jerjak dan istiadat unjuk beri.

Kajian puisi tradisional ini amat signifikan memandangkan upacara perkahwinan di Negeri Sembilan mempunyai kelainan daripada upacara perkahwinan



05negeri-negeri lain. Majlis perkahwinan tersebut dipenuhi dengan aturan adat istiadat

yang tersendiri dan unik. Majlis perkahwinan diserikan dengan kata-kata puitis seperti pantun, seloka gurindam dan sebagainya. Oleh yang demikian puisi tradisional teromba sememangnya mempunyai pengaruh yang mendalam dalam konteks sebagai alat komunikasi dalam adat perkahwinan yang diamalkan di Negeri Sembilan.

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Puisi Melayu Tradisional

Puisi merupakan satu bentuk kesusasteraan Melayu Tradisional yang terdiri daripada pelbagai bentuk kesusasteraan Melayu tradisional yang terdiri daripada pelbagai genre atau bentuk. Puisi ini meliputi pantun, syair, nazam, gurindam, seloka, talibun, teromba, peribahasa, teka-teki, mentera dan prosa berirama (Harun Mat Piah, 2004 :1)





Pendita Za'ba (1965:28) pula berpendapat puisi sebagai karangan berangkap.

Beliau dipetik sebagai berkata :

Puisi adalah karangan berangkap yang dipakai untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah dan melukiskan kemanisan serta kecantikan bahasa. Sebagai sebuah karangan berangkap puisi itu disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat. Diantara sekerat dengan sekerat itu, biasanya berjodoh bunyi atau rentak atau isinya serta kebanyakannya memakai timbangan atau sukatan tertentu.

Muhamad Haji Salleh (Rahman Saari, 1990:10) berpendapat istilah puisi membawa konotasi bahawa karya yang dimaksudkan dalam pembicaraan itu mencapai peringkat tertinggi.

Penyair Inggeris kurun ke 19, S.T. Coloridge (Dharmawijaya,1998:26) mendefinisikan puisi sebagai perkataan terbaik dalam susunan terbaik.

Harun Mat Piah dalam kajiannya telah menganggap puisi sebagai suatu bentuk pengucapan dalam suasana yang istimewa berbanding dengan pengucapan biasa seperti yang digunakan dalam pertuturan seharian, sementara bahasa pula mementingkan kebenaran daya intelektual dan logika (1989:2).

Kesimpulan tentang puisi telah dibuat oleh Muhammad Haji Salleh (1984:4-12) iaitu sebagai bentuk yang kental, berentak, banyak berunsur muzik bahasa. Penggunaan bahasa dalam genre ini, lebih padat, teliti dan kadang-kadang mendekati lagu.

Dalam kajian ini puisi tradisional yang menjadi tumpuan kajian adalah puisi teromba.



1.6.2 Komunikasi

Mengikut Kamus Dewan, komunikasi ialah perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon dan lain-lain (Kamus Dewan, 2007:812).

Definisi komunikasi berdasarkan erti dan kata akar. Perkataan komunikasi berasal dari bahasa Latin, *communis* yang bererti kebersamaan atau membangun kebersamaan antara dua orang atau lebih. Mengikut Stuart, komunikasi sebagai kata kerja (*verb*) dalam bahasa Inggeris *communicate*, mempunyai beberapa erti:

1. untuk bertukar fikiran, perasaan dan informasi
2. untuk membuat tahu
3. untuk membuat sama
4. untuk mempunyai hubungan yang simpatik

Sementara komunikasi sebagai kata benda (noun) iaitu *communication* bererti:

1. pertukaran simbol, pesan-pesan yang sama dan informasi
2. proses pertukaran di antara individu-individu melalui sistem simbol yang sama
3. seni untuk mengekspresikan gagasan-gagasan
4. ilmu pengetahuan tentang pengiriman informasi

(Dani Vardiansyah, 2004:3)

Mengikut Gerbner (1958) komunikasi ialah suatu interaksi sosial melalui pesan-pesan yang dapat diberi sandi (kode) secara formal, simbolis atau penggambaran peristiwa tentang beberapa aspek budaya yang sama-sama dimiliki (Reed H Blake, 2009:2).

Sementara Berelson dan Steiner (1964) berpendapat komunikasi merupakan penyampaian informasi, idea perasaan, keterampilan dan lain-lain melalui penggunaan simbol-simbol kata-kata, gambar, rangka, angka, tulisan dan lain-lain. Peristiwa itu



adalah kegiatan atau proses yang biasanya disebut komunikasi (Reed H Blake, 2009:2).

Dani Vardiansyah (2004: 14) berpendapat komunikasi adalah perkataan yang abstrak dan tidak mungkin menetapkan satu definisi tunggal sahaja. Beliau berpendapat meskipun komunikasi menyangkut perilaku manusia, namun tidak semua perilaku manusia adalah komunikasi dalam erti ia berkomunikasi. Komunikasi adalah perilaku manusia dalam hal penyampaian pesan.

Mengikut Ensiklopedia Malaysiana, perkataan komunikasi adalah berasal daripada perkataan bahasa Inggeris 'communication' yang berakar-umbikan perkataan Latin, 'communis' yang bererti 'sama'. Justeru apabila berkomunikasi suatu keadaan cuba mencari satu kesamaan dengan orang lain. Cuba menimbulkan apa yang ada dalam diri dan mencari 'kesamaan' dengan diri orang yang terlibat dalam proses komunikasi itu. Pemikiran, kepercayaan dan nilai-nilai sosial, lafazkan kepada orang lain dengan tujuan mencari 'kesamaan' ini (Mohd Rosli Saludin, 2009: 23).

Lazimnya manusia berhubung secara interaksi sesama mereka. Misalnya antara satu kumpulan dengan satu kumpulan yang lain atau antara satu organisasi dengan organisasi lain. Mereka berhubung melalui pengiriman dan penerimaan mesej secara lisan (bahasa) atau bukan lisan. Lazimnya bahan asas dalam komunikasi ialah mesej yang berbentuk lisan. Lazimnya bahan asas dalam komunikasi ialah mesej yang berbentuk lisan dan juga tanpa lisan (Mohd Rosli Saludin, 2009:24).

Dalam konteks kajian ini, komunikasi yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan penggunaan puisi teromba dalam setiap peraturan adat istiadat perkahwinan di Negeri Sembilan.





1.6.3 Perkahwinan

Definisi klasik menggambarkan perkahwinan sebagai satu ikatan antara individu lelaki dan perempuan yang sah dan diperakui dari segi undang-undang, budaya, agama dan adat resam. Definisi perkahwinan berbeza dan boleh berubah mengikut peredaran masa dan perspektif yang pelbagai.

Kamus Dewan (2007: 654) telah mendefinisikan perkahwinan sebagai perikatan yang sah antara seorang lelaki dan seorang perempuan menjadi suami isteri.

Pengertian nikah atau kahwin dalam undang-undang perkahwinan, mengikut Undang-undang Keluarga Islam No-15 Tahun 1992 menyebut “sesuatu perkahwinan hendaklah mengikut perkahwinan Enakmen ini dan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak (Sek 7)”. Dalam seksyen ini tidak menyebut perkataan nikah, cuma dengan hanya perkahwinan yang membawa maksudnya pernikahan.



(Abd. Kadir Abd Hassan, 2002:11)



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Pengertian perkahwinan dalam syariat Islam, ataupun hukum syarak termasuk hukum dalam Islam ialah mengakadkan di antara seseorang lelaki dan seseorang perempuan dengan mengandungi ucapan atau lafaz ijab dan kabul yang disertakan dengan adanya seorang wali bagi perempuan itu dan diikuti pula dengan adanya dua orang saksi (Abd. Kadir Abd Hassan, 2002:13)

Mengikut Wahbah pula, pengertian perkahwinan merujuk kepada akad perjanjian untuk menyatukan lelaki dan perempuan bagi menghalalkan hubungan kelamin, bertujuan mencapai kebahagiaan yang berkekalan mengikut garis panduan yang ditetapkan syarak. Islam juga menekankan faktor penerusan zuriat yang halal sebagai tujuan utama perkahwinan (Rozumah Baharudin, 2002:2).

Sementara itu, mengikut Abdul Kadir B. Abdullah Hassan perkataan kahwin membawa erti dua zat dalam benda bersatu atau bercantum sama ada zat itu bernyawa





atau tidak, termasuklah manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan, hasil daripada percantuman, maka menyebabkan membiak dan banyaknya hingga makmur isi dunia semester alam ini (2002: 11).

Mohd Zaidi Senapi (2002, 106) berpendapat erti sebenar perkahwinan ialah membentuk negara dan institusi yang ada di dalam sesebuah negara. Persediaan perkahwinan yang rapi dapat memantapkan lagi institusi keluarga. Himpunan keluarga akan membentuk masyarakat. Gabungan kelompok-kelompok masyarakat ini akan membentuk negara. Seterusnya lingkungan negara akan membentuk institusi politik dan sempadan politik.

Sementara Undang-undang Inggeris pula telah mendefinisikan perkahwinan sebagai penyatuan secara sukarela dan bebas untuk seumur hidup antara seorang lelaki dan seorang perempuan, untuk penerusan zuriat dan mengecualikan orang lain



1.6.4 Adat Istiadat Perkahwinan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 8) adat bermaksud peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulu kala) di dalam sesuatu masyarakat sehingga dianggap merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi.

Manakala perkataan istiadat berdasarkan Kamus Dewan yang sama (2007:590) ialah peraturan atau cara-cara melakukan sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan, adat kebiasaan atau resam. Sementara maksud lain istiadat ialah majlis rasmi untuk menyambut sesuatu peristiwa seperti upacara pertabalan, perkahwinan dan sebagainya.



Adat istiadat yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah berkisar kepada adat istiadat perkahwinan yang dilaksanakan oleh masyarakat adat Perpatih yang tinggal di Negeri Sembilan sahaja.

1.7 Kepentingan Kajian

Dalam arus globalisasi ini, manusia terdedah kepada kepelbagaian budaya luar yang menyebabkan berlaku perubahan dalam mengamalkan budaya tradisi yang menjadi amalan selama ini. Perubahan ini adalah akibat adaptasi mudah masyarakat terutama golongan muda terhadap budaya lain walaupun jelas terdapat kecenderungan dan percanggahan dengan nilai budaya dan adat resam sendiri yang telah diwarisi sekian lama.

Justeru kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri:

- a. untuk membuktikan tradisi berpuisi menggunakan puisi Melayu Tradisional masih bersesuaian diaplikasikan dalam sebarang upacara/majlis terutama dalam upacara perkahwinan meskipun kehidupan berubah dilanda arus pemodenan.
- b. untuk memberi pendedahan kepada golongan muda terhadap keistimewaan dan keindahan yang terdapat pada puisi Melayu Tradisional.
- c. Kajian ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pengkaji berikutnya untuk membuat kajian terhadap puisi Melayu Tradisional umumnya dan puisi di Negeri Sembilan khususnya.



1.8 Pendekatan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan puisi-puisi Melayu dalam adat istiadat perkahwinan. Justeru itu pengkaji memilih pendekatan sosiologi dan psikologi sebagai landasan dalam kajian ini. Pendekatan ini dipilih kerana pengkaji berasakan wujud pertalian yang akrab antara masyarakat dan sastera itu sendiri. Pendekatan ini juga dirasakan bersesuaian dengan objektif kajian yang menghubungkan karya-karya dengan khalayak melalui upacara perkahwinan dan turut mendedahkan keindahan karya-karya kajian. Pemaparan ini secara tidak langsung telah memaparkan alur pemikiran pengkarya yang bersesuaian dengan pendekatan psikologi.

1.8.1 Pendekatan Sosiologi

Sosiologi sastera bertolak dari premise bahawa hubungan antara sastera dan masyarakat adalah amat erat. Kenyataan ini bertolak dari keyakinan bahawa sastera tidak boleh dibicarakan terpisah dari masyarakat. Sastera tidak tercipta *in vacuo*; iaitu bukan hanya merupakan hasil seorang pengarang tetapi yang lebih penting ialah hakikat karya sastera juga adalah hasil seorang pengarang yang terikat pada ruang dan waktu serta bertanggungjawab kepada masyarakat.

Mengikut Wellek hubungan yang erat antara pengarang dengan masyarakat timbul kerana kesusasteraan dianggap sebagai *a social institution using as its medium language, a social creation* (Kamarudin Haji Husin, 1988:32)

Mengikut Graham Hough pula, kecenderungan ke arah mengkaji hubungan antara sastera dan masyarakat telah lama terjalin. Dalam buku *Republic* Plato menyoal kedudukan sastera dalam kehidupan manusia. Bagi Plato sastera mestilah bersifat didaktik, mempunyai moral yang tinggi dan bergiat ke arah membentuk rohaniah yang sihat (Abdul Rahman Yusof, 1988: 83)





Melalui pendekatan sosiologi, aspek yang perlu diperhatikan ialah mengenai perhubungan antara sastera dengan masyarakat. Pendekatan sosiologi merupakan satu cara melihat karya sastera dengan mengaitkannya dengan masyarakat sama ada masyarakat tempat karya itu dihasilkan atau masyarakat yang melahirkan karya itu sendiri. Seorang pengkritik yang menggunakan pendekatan ini mementingkan masyarakat kerana percaya bahawa karya sastera adalah cerminan masyarakat, lantas segala kebaikan diharapkan sebagai kesan langsung daripadanya.

Goldmann berpendapat karya sastera mesti difahami terutamanya sebagai satu kesatuan, setiap bahagian berfungsi hanya sebagai unsur-unsur dari totalitas sastera dan sosial. Dia berpendapat bahawa satu visi dunia (*world vision*) menentukan struktur dalaman (*linner structure*) sesebuah teks sastera. Visi dunia didefinisikan sebagai satu bentuk *collective group consciousness* yang berfungsi semacam simen



untuk mengikat individu-individu dalam satu kumpulan dan memberi mereka satu identiti kolektif.

Goldmann turut berpendapat karya sastera yang besar biasa memecahkan masalah-masalah besar dan mencapai *innerunity* kerana seorang pengarang yang betul-betul besar mengidentifikasikan dirinya dengan isu-isu sosial yang fundamental pada zamannya sehingga membolehkannya mencapai satu pengucapan yang padu (*coherent expression*) tentang realiti (A Rahman Yusoff, 1988: 84-85).

Terdapat dua pendekatan sosiologi sastera. Pertama, pendekatan yang bertitik tolak pada faktor-faktor ekstrinsik iaitu faktor-faktor sosial. Pendekatan ini membicarakan kesusasteraan dari segi luaran sahaja tanpa mempedulikan *internal structure* karya sastera. Pendekatan yang kedua menghuraikan kesusasteraan dengan berpanduan pada teks sastera itu sendiri yang menghubungkan *internal structure* karya sastera itu kepada satu genre dalam masyarakat





Kalau dilihat sejarah kritikan di Malaysia, pendekatan sebegini telah dipopularkan oleh ASAS 50 dengan moto "Seni untuk masyarakat". Apa yang mereka tentukan sebagai arah berkarya dan arah kritikan untuk masyarakat pada waktu itu hanyalah merupakan satu daripada beberapa aspek sosiologi atau ilmu masyarakat yang diterapkan dalam kesusasteraan Melayu. Secara khusus perkara yang diperjuangkan oleh ASAS 50 adalah keadilan sosial. Keadaan ini lebih menjurus kepada aliran realisme sosialis yang tumbuh di barat dan berakar umbi di Rusia, China dan Eropah Timur.

Bagi mengenali pendekatan sosiologi, aspek yang perlu diperhatikan ialah mengenai perhubungan di antara sastera dengan masyarakat. Perhubungan ini dianggap oleh pengkritik yang menggunakan pendekatan tersebut sebagai perhubungan yang sangat penting. Cara mereka menghubungkan sastera dengan



masyarakat adalah berbea-beza, iaitu berbalik kepada ideologi dan sikap masing-masing.

Pada dekad 1960-an pendekatan sosiologi mendapat perhatian lebih serius daripada Kassim Ahmad. Pada mulanya aliran kritikan beliau tidak begitu jelas, tetapi dalam jangka waktu yang singkat dapat difahami bahawa beliau adalah penganut aliran realisme sosialis. Realisme sosialis adalah satu aliran kesusasteraan yang terlalu memberatkan soal kemasyarakatan sehingga penganut-penganutnya terlalu percaya bahawa sastera mempunyai fungsi yang besar dalam menentukan arah perkembangan masyarakat.

Ismail Hussein juga merupakan seorang tokoh sastera yang selalu mengaitkan kerja kritikkannya dengan masyarakat. Beliau lebih gemar mengaitkan ilmu sastera Melayu dengan tradisi atau akar umbinya. Beliau nasionalistik dalam konsep Melayu dan gagasan Nusantara.





Seorang lagi tokoh pengkritik sosiologis ialah M. Noor Azam. Beliau adalah peminat sastra yang peka dengan perkembangan sastra ketika itu dan telah banyak menghasilkan kritikan cerpen yang tersiar dalam Dewan Bahasa sepanjang dekad 1960-an. Kecenderungan beliau ialah mengkritik karya sastra serta mengaitkannya dengan kehidupan dan masyarakat yang melahirkan karya tersebut.

Pada dekad 1960-an, kritikan dengan pendekatan sosiologi menduduki tempat kedua dari segi popularitinya selepas pendekatan formalistik. Pengkritik sosiologi selalunya cenderung memahami keadaan sosial sesebuah masyarakat. Seorang pengkritik dan pengamal sosiologi atau kemasyarakatan tidak pernah melupakan bahawa semua karya yang mereka hasilkan atau bicarakan tidak dapat dipisahkan daripada masyarakatnya. Sesebuah karya itu terhasil daripada ahli yang cukup peka mencatatkan semula peristiwa-peristiwa masyarakatnya sama ada dalam realitinya atau dalam bentuk realiti kesusasteraan. Pengkritik sosiologi selalunya cenderung memahami keadaan sosial sesebuah masyarakat dan begitu juga reaksi seorang karyawan terhadap perubahan-perubahan yang terjadi di sekitarnya.

Dalam khazanah kesusasteraan Melayu sama ada berbentuk prosa atau puisi terdapat banyak karya yang menggambarkan pemikiran dan falsafah hidup masyarakat, sejarah pemerintahan, peristiwa yang dialami oleh pengkarya, cetusan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat dan sebagainya terakam dalam pelbagai genre seperti prosa klasik, syair, pantun, novel, cerpen, sajak dan sebagainya. Seorang pengkritik dan pengamal sosiologi atau kemasyarakatan tidak pernah melupakan bahawa semua karya yang dihasilkan atau yang membuat penelitian atau kajian tidak dapat dipisahkan daripada masyarakatnya.





1.8.2 Pendekatan Psikologi

Psikologi sastera adalah kajian yang melihat karya sebagai aktiviti kejiwaan. Asas penelitian psikologi sastera dipengaruhi oleh beberapa hal. Pertama, adanya anggapan bahawa karya sastera merupakan gambaran dari suatu kejiwaan dan pemikiran pengarang yang berada pada situasi separuh sedar atau *subconscious* dan secara sedar atau (*conscious*). Dikatakan dalam waktu proses antara situasi sedar dan separuh sedar ini, pengarang diselubungi imaginasi yang pelbagai. Kekuatan daya sastera itu dilihat melalui seberapa jauh pengarang berjaya mengungkapkan ekspresi kejiwaan yang separuh sedar itu ke dalam sebuah karya sastera.

Sigmund Freud sebenarnya adalah tokoh utama, malah pelopor dalam pertumbuhan dan perkembangan ilmu analisa jiwa *psychoanalysis*. Teori psikoanalisis yang diasaskan oleh beliau menyatakan bahawa tabiat manusia pada asalnya jahat kerana dipengaruhi oleh unsur-unsur rangsangan seksual, kuasa agresif dan tidak rasional yang wujud dalam diri manusia bagi tujuan menjaga survival perkembangan hidupnya. Unsur-unsur ini bertindak dalam diri manusia secara tidak sedar. Kombinasi unsur-unsur ini dan konflik hidup semasa kecil yang tidak dapat diselesaikan pada masa itu menjadi punca dan penentu tabiat pada masa hadapan.

Berkaitan dengan pengarang, Freud telah menemui tentang keistimewaan para seniman atau penciptanya dan karya-karyanya. Freud beranggapan bahawa seniman adalah seorang *introvert*, seorang penyendiri yang teramat suka mencipta atau mencipta fantasi. Keadaan ini berlaku apabila seseorang seniman mendapat kesan *impression* dari sesuatu yang baik. Melalui penciptaan karya ini, seniman mendapat kepuasan yang cukup terutama apabila dikaitkan dengan ingatan terhadap keinginan yang kuat pada masa lampau atau zaman kanak-kanak didambarkan sebagai terlaksana di dalam penciptaannya (Hashim Awang, 1988, 135-136).





Pemahaman mengenai psikonalisis boleh membantu pengarang membentuk watak-watak yang *real* dan juga meyakinkan pembaca. Hal ini dilakukan oleh pengarang yang matang dan memahami berbagai ragam jiwa manusia. Panjang atau pendek sesebuah karya tidak menjadi soal untuk memperlihatkan perkembangan jiwa. Kehadiran disiplin psikoanalisis dalam karya sastera menguatkan lagi sistem perwatakan dan menjadikan karya itu mewakili nilai estetik dan kebenaran yang tinggi. Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa kejayaan seorang pengarang mengemukakan aspek psikoanalisis tidak bermakna karya itu mempunyai nilai yang tinggi kerana ia bergantung kepada beberapa ciri penampilannya.

Melalui pembacaan sesebuah karya, pengkaji psikonalisis akan dapat mengenali pengarang itu melalui dua perkara : pertama dapat menjelaskan mengenai jiwa pengarangnya termasuk cita-cita, aspirasi, dan keinginannya kerana sesebuah karya adalah refleksi atau bayangan hasrat peribadi pengarang. Kedua menanggapi rahsia pengarang terutama riwayat hidup dan peristiwa penting yang membentuk peribadi pengarang.

Freud juga berpendapat bahawa dalam diri manusia terdapat tiga alam kesedaran iaitu pertama, alam sadar; bahagian yang berkaitan dengan pemikiran, perasaan, dan ingatan. Pada alam sadar ini, manusia menyedari dan boleh mengingat apa yang telah dan sedang dilakukan. Kedua, alam pra sadar. Manusia biasanya sukar menyedari sesuatu yang sudah berlaku tetapi boleh mengingatinya semula sekiranya diberi tumpuan dan renungan yang bersungguh-sungguh. Keadaan termasuklah pengalaman, ingatan dan perasaan. Ketiga, alam tidak sadar. Bahagian ini merupakan bahagian yang terbesar pada fikiran manusia dan merupakan pendorong asas kepada tingkahlaku manusia. Alam ini mengandungi kesemua naluri serta keinginan





manusia. Akibatnya manusia bertindak dan menunjukkan tingkah laku yang sukar diterima oleh orang ramai.

Dalam kajian psikologi sastera, pengkaji menghuraikan psikoanalisis keperibadian yang dilihat melalui tiga unsur kejiwaan iaitu *id*, *ego* dan *super ego*. Ketiga-tiga sistem keperibadian ini dilihat saling berkaitan antara satu sama lain dalam membentuk tingkah laku manusia. *Id* adalah sistem keperibadian manusia yang paling asas. *Id* merupakan dorongan “biological” dan tenaga naluri yang mendorong manusia untuk bertindak dan mendapatkan kepuasan tanpa mengira akibat. *Id* didorong oleh tenaga kehidupan yang memotivasikan tingkah laku manusia yang dikenali sebagai libido.

Ego pula merupakan subsistem personaliti yang terbentuk melalui pengalaman. *Ego* berfungsi mengawal kehendak yang tidak dapat dipuaskan oleh *id*.

Ego berpegang kepada prinsip realiti. Sementara *super ego* bertindak mengawal dorongan-dorongan *id*. *Super ego* merupakan bahagian personaliti bermoral dan boleh berkembang secara beransur-ansur oleh pengaruh persekitaran. *Super ego* berfungsi mengawal tingkah laku mengikut peraturan masyarakat. Boleh dikatakan *super ego* adalah sistem keperibadian yang berisi nilai-nilai atau aturan yang bersifat evaluatif

1.9 Rumusan

Bab satu mengandungi pengenalan, latar belakang kajian, objektif kajian, kaedah kajian, batasan kajian, definisi istilah, kepentingan kajian, pendekatan kajian dan rumusan. Pada bab kedua, perbincangan akan berkisar kepada kajian literature. Dalam kajian ini akan berkisar kepada sejarah adat Perpatih, sistem adat Negeri Sembilan, konsep perkahwinan, perkahwianan orang Melayu dan adat Perkahwinan di Negeri Sembilan.

